



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN JUN 2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan Jun 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk utama makroekonomi.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat 9 sub-indeks di dalam BSI. **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, adalah 50.3 bagi bulan Jun 2022. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, para peniaga berpandangan optimistik terhadap keadaan perniagaan pada bulan Jun 2022. Sentimen tersebut kebanyakannya didorong oleh sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan yang menjangkakan prestasi yang lebih baik dengan harga minyak global yang tinggi. Bagi sektor-sektor yang lain pula, secara amnya, keadaan perniagaan dijangka akan bertambah baik dengan peningkatan dalam pengeluaran, jualan, jumlah projek serta aktiviti perniagaan. Terdapat sebahagian perniagaan yang mengalami keadaan yang lebih lembap berbanding dengan bulan sebelumnya. Indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan adalah di tahap 50.1, di mana responden kekal optimistik mengenai keadaan perniagaan dengan acara-acara perayaan yang akan diadakan pada bulan Julai 2022.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.4 bagi bulan Jun 2022, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.6 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhan, para peniaga dijangka akan meningkatkan tahap pelaburan mereka pada bulan Jun 2022, selaras dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan dan pemerolehan projek-projek baharu. Para peniaga juga mengongsikan bahawa mereka merancang untuk meningkatkan pembelian bahan mentah, kenderaan syarikat, peralatan dan menambah inventori. Walaupun tahap pelaburan berkemungkinan akan kekal pada tahap yang sama pada bulan hadapan, responden menjangka ia akan meningkat semula pada bulan-bulan berikutnya.

mengambil kira rancangan untuk meningkatkan tahap pengeluaran, pembelian peralatan dan mesin, pengubahsuaian premis perniagaan dan pembukaan cawangan-cawangan baharu.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi bulan Jun 2022, dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara am, para peniaga merancang untuk mengambil pekerja-pekerja baharu pada bulan Jun dan Julai 2022 untuk menggantikan pekerja tempatan yang telah meletakkan jawatan dan juga pekerja-pekerja asing yang telah menamatkan kontrak perkhidmatan. Responden mengongsikan cabaran yang masih dihadapi dalam pengambilan pekerja disebabkan oleh proses pengambilan pekerja dari luar negeri yang mengambil masa, kos pengambilan pekerja yang tinggi, dan juga kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja dalam negeri yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian. Sebahagian perniagaan telah mengambil pekerja-pekerja sambilan untuk menampung kekurangan tenaga pekerja pada masa ini.
7. **Sub-indeks Kos** adalah 50.4 bagi bulan Jun 2022, dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara am, para peniaga menjangkakan kos menjalankan perniagaan yang lebih tinggi pada bulan Jun dan Julai 2022 berbanding dengan bulan Mei 2022. Kos keseluruhan yang tinggi adalah dikaitkan dengan kenaikan harga bahan mentah; kos logistik dan pengangkutan yang meningkat; perbelanjaan operasi yang tinggi; pembayaran gaji pekerja-pekerja baharu; dan pembelian tiket penerbangan bagi pekerja-pekerja asing yang akan kembali ke negara asal masing-masing.

BSI Jun 2022	
Keadaan Perniagaan	50.3
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan	50.4
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.6
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan Ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.4
Kos Satu Bulan ke hadapan	50.3

8. Dari segi **sektor ekonomi**, 8 daripada 11 sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan Jun 2022. Sektor Pengangkutan dan Komunikasi terus menunjukkan kenaikan indeks yang tertinggi, didorong oleh jangkaan peningkatan aktiviti penerbangan dengan kelonggaran sekatan sempadan melalui udara. Di samping itu, sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan menjangkakan peningkatan pendapatan dengan harga minyak yang tinggi. Sektor Kesihatan dan Pendidikan dan sektor Perkhidmatan Lain turut mencatatkan sentimen optimistik dengan pelonggaran sekatan, projek-projek baru serta acara dan aktiviti yang diadakan pada bulan Jun 2022. Sebaliknya, sektor Perdagangan Borong dan Runcit mencatatkan sentimen perniagaan yang pesimistik pada bulan Jun 2022 disebabkan oleh kelembapan yang dijangka akan dihadapi selepas musim perayaan yang disambut pada bulan Mei 2022. Sementara itu, sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan serta sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman telah melaporkan sentimen keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan Jun 2022 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Jun 2022 Mengikut Sektor	
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.4
Pembuatan	50.1
Pembinaan	50.2
Perdagangan Borong & Runcit	49.8
Pengangkutan & Komunikasi	50.8
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Kewangan & Insurans	50.1
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Hotel & Restoran	50.1
Kesihatan & Pendidikan	50.4
Perkhidmatan Lain	50.3

9. Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, hanya perusahaan bersaiz besar berpandangan optimistik pada bulan Jun 2022 disebabkan jangkaan tahap jualan dan keuntungan yang bertambah baik dengan peningkatan aktiviti dan acara-acara secara amnya. Perniagaan yang bersaiz sederhana pula mencatatkan kemerosotan dengan jumlah projek dan permintaan yang kurang berbanding dengan bulan Mei. Para peniaga juga mengongsikan jangkaan kenaikan kos operasi yang akan menjelaskan keuntungan mereka. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro dan kecil pula melaporkan sentimen keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan Jun 2022 berbanding bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Jun 2022 mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.0
Sederhana	49.9
Besar	50.3


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik dalam laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 27 Zulhijjah 1443H / 27 Julai 2022M
 Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikandalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Jun 2022



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.